

# 725 pelajar baru daftar UMS-KAL

BH 7/09/2012 4

**Labuan:** Seramai 725 pelajar baru termasuk 61 dari China mendaftar di Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) bagi sesi akademik 2012/2013.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata daripada jumlah itu, 496 adalah pelajar perempuan dan 230 pelajar lelaki yang bakal bergelar warga kampus untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Katanya, 564 pelajar akan

mengikuti lima program di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam.

"Seramai 161 pelajar mengikuti dua program di Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) iaitu Teknologi Maklumat dan e-Dagang bagi tempoh tiga tahun," katanya.



Ismail (kiri) menyambut **ketibaan pelajar baru UMS-KAL** di terminal feri Labuan, semalam.